

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab akhir ini akan dapat melengkapkan matlamat keseluruhan kajian dan memberikan kesimpulan ringkas. Oleh itu, pengkaji akan merumuskan semua dapatan yang diperolehi semasa perbincangan. Pertama, pengkaji akan membuat kesimpulan tentang setiap objektif kajian. Seterunya pengkaji akan menerangkan implikasi dan cadangan kajian. Keseluruhan perbincangan ini akan diuraikan pada bahagian kajian 5.2, 5.3, dan 5.4. Semoga kajian ini mencapai kaedah analisis yang tepat, perbincangan, dapatan, dan memberikan pembaca maklumat baharu secara keseluruhan. Berikut merupakan 3 objektif kajian yang telah dicapai oleh pengkaji:

5.2 Ringkasan Dapatan Kajian

Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas kesimpulan ringkasan bab dengan menerangkan dapatan objektif kajian 1, 2, dan 3.

a) Rumusan Objektif Kajian 1

Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengenal pasti konsep penggunaan logo zakat yang digunakan oleh institusi zakat kepada syarikat korporat di Malaysia. Menurut penelitian pengkaji, konsep penggunaan logo zakat di Malaysia pada mulanya telah diperkenalkan menerusi LZNK yang dinamakan sebagai “Logo Sahabat Zakat Kedah”. Ekoran kekurangan kesedaran pembayaran zakat dalam kalangan syarikat

korporat serta usaha institusi zakat untuk mencapai sasaran kutipan zakat perniagaan, maka pihak PPZ-MAIWP turut mengikuti langkah LZNK melalui pengenalan “Logo Pembayar Zakat”. Adapun fungsi logo di kedua-dua institusi ini adalah sama sebagai langkah proaktif bagi mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan di institusi mereka, namun aplikasinya terdapat sedikit perbezaan seperti di LZNK, logo zakat diberikan kepada semua peniaga Muslim yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Manakala di PPZ-MAIWP logo zakat diberikan kepada syarikat yang mahu menggunakannya sahaja. Adapun bagi MAIN atau institusi zakat yang lain selain LZNK dan PPZ-MAIWP, penggunaan logo zakat masih belum diperkenalkan dan tidak mustahil penggunaan logo zakat ini akan diikuti oleh negeri lain dengan melihat kepada kesan positif dari sudut pencapaian LZNK dan PPZ-MAIWP terhadap pengurusan kutipan dan agihan zakat mereka yang lebih proaktif dan terkehadapan. Adapun bagi negeri yang belum memperkenalkan logo zakat adalah antaranya kerana institusi mereka dibawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri dan pelbagai prosedur perlu diteliti sebelum sesebuah tindakan dijalankan. Hal ini berbeza dengan institusi zakat yang telah dikorporatkan yang mampu mengorak langkah bersendirian pada kadar yang lebih rancak.

b) Rumusan Objektif Kajian 2

Objektif kajian kedua adalah untuk membincangkan konsep *Maqasid Syariah* dan hubungannya dengan pensyariaan zakat perniagaan. Dapatan kajian menunjukkan konsep *Maqasid Syariah* ialah makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia. Konsep ini merangkumi lima objektif utama atau tujuan syarak, iaitu untuk memelihara agama,

nyawa, akal, keturunan dan harta. Berdasarkan kajian yang dilakukan, dalam konteks *Maqasid Syariah*, pensyariatan zakat perniagaan bukan sahaja berkaitan dengan kewajipan agama tetapi ianya juga sebagai satu instrumen untuk mencapai tujuan-tujuan syariah seperti mencegah kekayaan terkumpul dalam tangan individu atau kumpulan kecil, menggalakkan pengagihan kekayaan yang lebih adil dalam masyarakat, dan memperkuat ekonomi dan kestabilan sosial. Oleh itu, apabila pensyariatan zakat perniagaan dilaksanakan dengan betul, ia boleh membantu mencapai tujuan-tujuan syariah dan membawa manfaat yang besar kepada masyarakat secara keseluruhan.

c) Rumusan Objektif Kajian 3

Objektif kajian adalah untuk menghuraikan cadangan Kerangka *Maqasid Syariah* dalam penggunaan logo zakat yang dapat diaplikasikan oleh institusi zakat bagi mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan di Malaysia. Melalui kajian yang dianalisis daripada objektif kajian dan temu bual sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa kerangka *Maqasid Syariah* dapat dijadikan sebagai pencetus kepada penggunaan logo zakat di negeri yang belum mempraktikkannya. Hal ini kerana melalui Kerangka *Maqasid Syariah* dalam penggunaan logo zakat tersebut mampu untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat dan memotivasikan lebih ramai peniaga Muslim untuk membayar zakat perniagaan. Bukan itu sahaja, ianya juga dapat mendorong kepada kutipan zakat perniagaan yang optimum dan membantu memenuhi objektif zakat sebagai satu ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang mampu. Melalui kepatuhan seluruh peniaga Muslim kepada pembayaran zakat,

maka hasilnya pengagihan zakat juga dapat dibuat dengan lebih berkeadilan, adil dan saksama.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini telah menyumbang kepada beberapa implikasi terhadap sistem pengurusan zakat khususnya dalam aspek kutipan zakat oleh MAIN atau institusi zakat di Malaysia, ahli akademik, dan masyarakat secara keseluruhannya. Ia boleh diuraikan dalam beberapa perkara seperti kajian ini memberi implikasi yang besar terhadap sistem pengurusan zakat di MAIN atau institusi zakat di Malaysia dalam meningkatkan kredibiliti mereka dengan memperkenalkan kaedah-kaedah terkini seperti penggunaan logo zakat kepada syarikat korporat sebagai tarikan pembayar zakat daripada syarikat korporat untuk membayar zakat perniagaan bagi mencapai kutipan zakat yang lebih optimum.

Dengan menganalisis konsep penggunaan logo zakat yang telah digunapakai oleh LZNK dan PPZ-MAIWP, ianya akan membantu pihak MAIN atau institusi zakat yang lain untuk turut sama membangunkan kaedah penggunaan logo zakat serta pembangunan garis panduan dan modul standard khusus bagi penggunaan logo zakat pada masa hadapan.

Dapatan kajian terhadap amalan semasa penggunaan logo zakat serta perbincangan isu-isu berkaitan pembayaran zakat perniagaan yang melibatkan pembayar zakat dalam kalangan syarikat korporat akan membantu pihak MAIN atau institusi zakat bagi menangani masalah tersebut pada masa hadapan dan menjadi sumber rujukan untuk menambah baik perkara tersebut.

Kajian berkaitan penggunaan logo zakat bagi mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan menurut kerangka *Maqasid Syariah* kurang dibincangkan dalam kalangan penyelidik. Oleh itu, kajian ini akan menyumbang kepada literatur akademik dengan peningkatan maklumat mengenai penggunaan logo zakat dalam mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan menurut *Maqasid Syariah* dalam penyelidikan. Ia juga boleh menjadi sumber pengetahuan dan rujukan kepada komuniti asnaf dan masyarakat awam amnya.

5.4 Cadangan Penyelidikan Masa Depan

Kajian yang dijalankan telah mencadangkan beberapa cadangan untuk kajian akan datang seperti kajian yang lebih mendalam boleh dijalankan oleh penyelidik akan datang mengenai isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak MAIN atau institusi zakat bagi memperkenalkan penggunaan logo zakat di negeri masing-masing. Skop kajian juga perlu dikhususkan dengan mengambilkira kelompondan yang ada pada kajian semasa.

Kajian ini perlu diperluaskan dengan mengeluarkan cadangan pekeliling serta membangunkan garis panduan khusus mengenai penggunaan logo zakat oleh MAIN atau institusi zakat di setiap negeri supaya ia boleh menjadi rujukan kepada semua pihak.

Pengkaji mendapati tiada hukuman undang-undang dikenakan kepada pihak yang menyalahgunakan penggunaan logo zakat bagi tujuan kepentingan peribadi di Kedah dan Wilayah Persekutuan. Oleh itu, pengkaji akan datang harus cuba meluaskan lagi pencarian maklumat dan data dari semasa ke semasa untuk mengetahui sejauh mana

pihak institusi zakat memberikan hukuman terhadap golongan yang menggunakan logo zakat secara tidak sah atau sebagainya.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya semua dapatan secara ringkas mengikut objektif kajian. Kajian ini juga akhirnya mampu memberi impak kepada pihak MAIN atau institusi zakat, pembayar zakat, ahli akademik dan masyarakat awam secara keseluruhannya. Cadangan untuk kajian akan datang juga telah dinyatakan bagi menambah baik penyelidikan masa depan dan meneliti jurang kajian semasa yang dijalankan berkaitan penggunaan logo zakat dalam mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan menurut kerangka *Maqasid Syariah*. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kedudukan sistem pengurusan kutipan zakat perniagaan oleh MAIN atau institusi zakat dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang selari dengan kehendak *Maqasid Syariah* kepada pembayar zakat serta asnaf pada masa hadapan. Jelas bahawa, pemngambilkiraan dan pertimbangan terhadap *Maqasid Syariah* adalah suatu perkara yang sangat penting dalam memastikan keputusan fatwa yang diputuskan mencapai tahap yang mantap, jitu, kemas dan bermutu tinggi.